



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"KEHEBATAN MUKJIZAT AL-QURAN"

14 Mac 2025 / 13 Ramadan 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ، وَفَرَضَ عَلَيْنَا الصَّلَاةَ وَالصِّيَامَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْأَعْلَمُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَهُوَ خَيْرُ الْأَنَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan setiap larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah, diperkukuhkan iman, mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Menjelang sambutan Nuzul al-Quran pada 18 Mac, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: "KEHEBATAN MUKJIZAT AL-QURAN"

Firman Allah SWT, ayat 185 surah al-Baqarah:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ...^٤

Bermaksud: Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan mengenai petunjuk itu dan (menjelaskan) perbezaan (antara yang benar dan yang salah).

Al-Quran ialah kalam Allah; khazanah ilmu – sumber rujukan lengkap untuk panduan manusia. Al-Quran diturunkan kepada Baginda SAW dalam bahasa Arab, bermula pada bulan Ramadan, melalui perantaraan malaikat Jibril AS, secara berperingkat-peringkat, menempuh fasa Mekah dan Madinah, mengambil masa 22 tahun 2 bulan 22 hari. Susunan al-Quran terdiri daripada cantuman 28 huruf Hijaiyah; mengandungi 323,761 huruf, 77,437 kalimah, 6236 ayat, 114 surah dan 30 juzuk.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Al-Quran ialah mukjizat teragung; mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan duniawi dan ukhrawi. Terkandung pengetahuan duniawi antaranya falsafah, bahasa, syariat, pemerintahan, pentadbiran, undang-undang, matematik, sains, teknologi, angkasa, ekonomi, pertanian, pemakanan, perairan, pengembaraan, pelayaran, kekeluargaan, dan pelbagai lagi; manakala pengetahuan ukhrawi antaranya mengenai kebangkitan hari akhirat, timbangan amal kebaikan, titian sirat, syurga dan neraka.

Salah satu kehebatan al-Quran ialah mukjizat bahasanya, terserlah keistimewaan dari pelbagai sudut sama ada gaya, irama dan struktur bahasa yang tidak mampu ditiru oleh manusia, termasuk para penyair terhebat mahu pun ahli bahasa Arab terbaik. Ketinggian sastera bahasa al-Quran tidak dimiliki pada bahasa-bahasa lain, terutama pada keserasian susunan dan perkaitan antara setiap ayat dan surah; kaya dengan perbendaharaan kata, padat dengan makna. Manakala kesesuaian baris, kadar harakat, dengung, tempat-tempat ditentukan untuk disambung dan diberhentikan bacaan, irama akhir setiap ayat ketika membaca, jelas menunjukkan langgam bahasa al-Quran yang begitu indah lagi sempurna.

Lalu Allah SWT mencabar manusia untuk menghasilkan sebuah kitab yang setara dengan kehebatan al-Quran, namun tidak ada seorang pun manusia yang memiliki kepakaran untuk melakukannya selaras firman Allah SWT, ayat 88 surah al-Isra:

﴿قُلْ لَئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ

بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad), "Sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa dengan al-Quran ini, nescaya mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengannya, sekalipun sebahagian mereka menjadi pembantu bagi sebahagian yang lain.

Jemaah yang dilimpahi fadilat Ilahi

Kajian menunjukkan alunan bacaan al-Quran memberi kesan dan pengaruh yang baik pada tubuh badan manusia terutama pada bahagian otak, saraf dan organ tubuh. Kajian yang dirintis oleh Dr al-Qadhi di sebuah klinik di Florida Amerika Syarikat, berpandukan teknologi dan sokongan peralatan elektronik, membuktikan, dengan mendengar bacaan ayat-ayat suci al-Quran, seseorang boleh merasakan perubahan fisiologi yang besar.



Kajian yang dilakukan mengenal pasti tekanan darah, degupan jantung, ketahanan otot dan ketahanan kulit ketika diperdengarkan alunan ayat-ayat al-Quran lalu menyimpulkan bahawa bacaan al-Quran berpengaruh besar, berupaya melahirkan ketenangan jiwa dan penyembuhan penyakit mencecah tahap 97 peratus.

Al-Quran bukan sekadar membimbing manusia menuju kebahagiaan dunia dan akhirat, malah menjadi penawar rohani dan jasmani; mendengar ayat-ayatnya bila dibaca, begitu mendamaikan jiwa, tidak menjemukan walaupun dibaca berulang kali, di samping dikurniakan ganjaran pahala bagi setiap huruf yang dibaca, apatah lagi menghafal, menghayati dan mengamalkan isi kandungannya. Oleh itu, kesempatan pada Ramadan yang dilimpahi pelbagai kebaikan, ummah dianjurkan memperbanyakkan membaca al-Quran, kerana ganjaran yang amat besar buat pembacanya seperti sabda Baginda SAW:

اِقْرءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Bermaksud: Bacalah al-Quran, kerana sesungguhnya ia datang kepada pembacanya sebagai syafaat pada hari akhirat. (Hadis Riwayat Muslim)

Untuk mencapai tahap kegemilangan, umat Islam wajib berpegang kepada seluruh ajaran yang terkandung dalam al-Quran – menghayati seluruh nilai yang ada untuk diamalkan secara lengkap. Jika ayat-ayat al-Quran dibaca tanpa kefahaman – tanpa penghayatan, maka roh al-Quran tidak mungkin meresap dan hidup dalam jiwa insan. Lalu tidak hairan pada hari ini, kita menyaksikan masih terdapat orang Islam yang tanpa segan silu, bersifat tamam dua muka, munafik, berdusta, merompak dan mencuri, memberi dan menerima rasuah, melakukan pecah amanah, menyalah guna kuasa, mengamalkan riba, berzina, derhaka kepada ibu bapa, dan melakukan pelbagai kemungkaran.

Ketahuiilah! Jika al-Quran dapat benar-benar difahami dan didalami maksudnya, lebih-lebih dihayati secara bersungguh, insya-Allah manusia akan mengalami nikmat keajaiban al-Quran dalam jiwanya; menumbuhkan sinaran iman yang mempengaruhi akhlak dan tingkah lakunya. Lihatlah bagaimana hubungan para sahabat dan generasi terawal ummah terhadap al-Quran; laksana terangkai ikatan cinta sejati. Kuatnya tautan hati dan kecintaan mereka kepada al-Quran, sehingga mereka sering mendampinginya, membacanya siang dan malam, menerokai mukjizatnya, melakukan kajian serta



menyebarkan dan mengajar kandungannya kepada dunia, lalu lahirnya para ilmuwan Islam, dan terbangun tamadun Islam yang unggul.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyimpulkan kesimpulan dan saranan berikut:

Pertama: Al-Quran ialah panduan lengkap dan sumber rujukan kehidupan manusia; kitab ilmu yang mengandungi pelbagai mukjizat dan pengajaran bagi orang-orang yang bertakwa.

Kedua: Dampingi al-Quran, jadikannya teman hidup. Mulakan kehidupan harian dengan membaca sekurang-kurangnya sepotong ayat al-Quran, demikian juga sebelum tidur. Usahakan untuk menghafal al-Quran dengan memilih surah-surah lazim, kemudian beralih pada surah sederhana ringkas sehingga dada kita disemai dengan ayat-ayat al-Quran yang kelak memberi pertolongan ketika bersendirian di alam barzakh dan di akhirat.

Ketiga: Manfaatkan teknologi moden dalam pengajaran al-Quran atau wujudkan kaedah pengajaran yang menarik minat anak-anak mendalami, menerokai isi kandungan dan mukjizat al-Quran, lalu mengamalkannya dalam kehidupan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Munzilal Quran! Rahmati kami dengan al-Quran. Jadikan al-Quran sebagai panduan, cahaya, petunjuk dan rahmat buat kami. Rezekikan kami membaca dan memahami isi al-Quran pada setiap masa. Lapangkan jiwa kami dengan al-Quran, permudah urusan kami dengan al-Quran. Jadikan al-Quran sebagai penghibur hati kami sehingga kami tertarik mendampinginya siang dan malam. Anugerahkan dalam kalangan

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



zuriat keturunan kami penghafal al-Quran yang berakhlak dan mengamal al-Quran lalu berupaya menyebarkan ajaran al-Quran kepada masyarakat.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ﴾.